



18 SEP, 2020

## Orang ramai sukar dapat barangan basah

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Orang ramai sukar dapat barangan basah

**SUNGAI PETANI** – Sebanyak 609 ketua keluarga di Zon Melor yang menjalani lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran sehingga 27 September ini berdepan kesukaran mendapatkan bekalan makanan basah.

Ini kerana perintah kuarantin yang dijalani kali ini lebih ketat apabila mereka tidak dibenarkan melakukan sebarang pergerakan di luar rumah termasuk mengunjungi kedai terdekat untuk membeli barang keperluan.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Hamid berkata, sejak lanjutan PKPD dilaksanakan 14 September lalu, mereka langsung tak berkesempatan membeli barangan keperluan harian.

"Ramai penduduk tidak sempat membeli bekalan ma-

kanan basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran kerana beranggapan PKPD zon ini akan ditamatkan bersama Zon Kenanga dan Mawar.

"Pergerakan kami untuk mengunjungi kedai terdekat turut disekat menyebabkan sebahagian besar penduduk mengalami masalah mendapatkan bekalan," katanya.

Seorang lagi penduduk yang enggan dikenali berkata, ketiadaan Pasar Segar Terkawal (PST) seperti sebelum ini menyukarkan mereka untuk memperoleh barangan segar.

"Memang bantuan berupa makanan kering seperti susu, gula, sardin dan beras diterima daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehari selepas lanjutan PKPD di zon kami, namun kami juga memerlukan makanan mentah lain," ujarnya.



**KAWASAN** perumahan Zon Melor di Ambangan Heights, Amanjaya di Sungai Petani yang dikenakan lanjutan PKPD.



18 SEP, 2020

## Orang ramai sukar dapat barangan basah

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SUNGAI PETANI - Sebanyak 609 ketua keluarga di Zon Melor yang menjalani lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran sehingga 27 September ini berdepan kesukaran mendapatkan bekalan makanan basah. Ini kerana perintah kuarantin yang dijalani kali ini lebih ketat apabila mereka tidak dibenarkan melakukan sebarang pergerakan di luar rumah termasuk mengunjungi kedai terdekat untuk membeli barang keperluan.